

19/10/1997

MPK: MB berhenti selepas ada pengganti

KUANTAN: Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, akan meletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) selepas mendapat pengganti yang benar-benar sesuai dan berkemampuan menerajui majlis itu.

Tindakannya itu sebagai menghormati keputusan yang diambil dalam persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri minggu lalu atas cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian turut mensyaratkan jawatan berkenaan dijadikan sepenuh masa bagi memastikan penyandangannya dapat memberi tumpuan penuh.

Menurut Mohd Khalil, Ahli Exco Kerajaan Negeri, Datuk Bahari Yahya yang memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) akan mengambil langkah yang sama.

"Sebelum saya melepaskan jawatan itu, saya akan mencari pengganti yang benar-benar berkelayakan, sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau pegawai kerajaan serta pihak lain yang didapati sesuai."

"Dalam soal memilih pengganti, saya akan menyelidik latar belakang calon yang dikenal pasti, bagi memastikan mereka yang dipilih mampu menerajui majlis berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis memberi sokongan padu terhadap pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, semalam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, dalam kenyataan berhubung keputusan persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri itu, berkata jawatan Yang Dipertua majlis perbandaran dan majlis daerah yang sekarang disandang sama ada oleh Menteri Besar atau Exco akan diganti.

Beliau berkata, ketika ini, tiga Menteri Besar dan Ketua Menteri serta dua ahli Exco memegang jawatan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

Dalam hal ini, katanya, kerajaan negeri boleh melantik sesiapa saja yang difikirkan layak menjawat jawatan itu sama ada golongan profesional, politik atau ahli perniagaan asalkan mereka tidak memegang jawatan lain dalam kerajaan.

Katanya, keputusan ini juga tidak bermakna menteri besar dan ahli Exco tidak mampu menjalankan tugas dengan berkesan sebagai Yang Dipertua majlis perbandaran.

(END)